MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 27 No. 8 | **21hb April 1983** | *TAMBAHAN No. 28 PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 157.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (THAILAND) 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 132 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen (1) seksyen 65A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat Perintah yang berikut: *Akta 53. 45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Thailand) 1983.** Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Kingdom Thailand dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Thai (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan. Pelepasan cukai dua kali.

JADUAL

(Perenggan 2)

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN KINGDOM THAILAND BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kingdom Thailand dengan tujuan hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

Bab I

BIDANG PERJANJIAN

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Berjanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan oleh tiap-tiap satu Negara Berjanji, tidak kira cara bagaimana cukai-cukai dilevi.

2. Cukai-cukai yang ada sekarang yang hendaklah dipakai bagi Perjanjian ini ialah:

(a) berkenaan dengan Malaysia:

(i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;

(ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan

(iii) cukai pendapatan petroliam;

(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia");

(b) berkenaan dengan Thailand:

(i) cukai pendapatan;

(ii) cukai pendapatan petroliam;

(kemudian daripada ini disebut "cukai Thai)".

3. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai atas pendapatan yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah memberitahu satu sama lain apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaiannya masing-masing.

Bab II

TAKRIF

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

(a) perkataan "Malaysia" ertinya Persekutuan Malaysia, dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan wilayah bagi Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia mengenai Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil buminya;

(b) perkataan "Thailand" ertinya Kingdom Thailand dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan wilayah bagi Kingdom Thailand mengikut undang-undang Thai, dan menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Kingdom Thailand boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil buminya;

(c) perkataan-perkataan "suatu Negara Berjanji" dan "Negara Berjanji yang satu lagi itu" ertinya Malaysia atau Thailand, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;

(d) perkataan "orang" termasuk orang perseorangan, sesuatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang disifatkan sebagai suatu entiti bagi maksud-maksud cukai;

(e) perkataan "syarikat" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan di bawah undang-undang percukaian Negara-negara Berjanji masing-masing;

(f) perkataan-perkataan "enterprais suatu Negara Berjanji" dan "enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu" masing-masing ertinya suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;

(g) perkataan "cukai" ertinya cukai Malaysia atau cukai Thai, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;

(h) perkataan "rakyat" ertinya:

(i) mana-mana orang perseorangan yang memiliki kewarganegaraan sesuatu Negara Berjanji;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan mana-mana entiti lain yang memperolehi statusnya sebagai sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa dalam sesuatu Negara Berjanji;

(i) perkataan "lalulintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan oleh suatu kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterprais sesuatu Negara Berjanji, kecuali jika kapal atau kapaludara itu adalah dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu;

(j) perkataan "pihakberkuasa yang layak" ertinya:

(i) berkenaan dengan Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;

(ii) berkenaan dengan Thailand, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Berjanji, apa-apa perkataan yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Berjanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "pemastautin bagi suatu Negara Berjanji" ertinya—

(a) berkenaan dengan Thailand, seseorang yang bermastautin dalam Thailand bagi maksud-maksud cukai Thai; dan

(b) berkenaan dengan Malaysia, seseorang yang bermastautin dalam Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji maka tarafnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:

(a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang perlu);

(b) jika Negara Berjanji di mana ia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Berjanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang mana ianya adalah seorang rakyat Negara itu;

(d) jika ianya seorang rakyat bagi kedua-dua Negara Berjanji atau bukannya rakyat bagi mana-mana satu Negara Berjanji, pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.

3. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang lain daripada seorang orang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.

Perkara 5

PERTUBUHAN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini. perkataan "pertubuhan tetap" ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana perniagaan enterprais itu dijalankan kesemuanya atau sebahagiannya.

2. Perkataan "pertubuhan tetap" hendaklah termasuk terutama sekali:

(a) suatu tempat pengurusan;

(b) suatu cawangan;

(c) suatu pejabat;

(d) suatu kilang;

(e) suatu woksyop;

(f) suatu lombong, kuari, telaga minyak atau gas atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan;

(g) suatu kebun atau ladang;

(h) suatu tapakbina bangunan atau projek binaan, pepasangan atau pasangan yang sedia ada selama lebih daripada enam bulan.

3. Perkataan "pertubuhan tetap" tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:

(a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pamiran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;

(b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pamiran atau penyerahan;

(c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;

(d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;

(e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau tambahan, untuk enterprais itu.

4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkaitan dengan projek binaan, pepasangan atau pasangan yang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

5. Seseorang (lain daripada seorang broker, ejen kamsen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai) yang bertindak dalam suatu Negara Berjanji bagi pihak suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu, jika:

(a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu, suatu kuasa bagi membuat kontrek-kontrek bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan bagi enterprais itu;

(b) ia menyenggara dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana ia biasanya memenuhi pesanan-pesanan bagi pihak enterprais itu; atau

(c) ia mendapat pesanan-pesanan dalam Negara yang disebut terdahulu itu sebahagian besarnya bagi enterprais itu sendiri atau bagi enterprais dan lain-lain enterprais yang dikawal olehnya atau yang mempunyai suatu kepentingan kawalan dalamnya.

6. Suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen kamsen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka. Bagi maksud ini, seseorang ejen yang bertaraf bebas jika ia menjalankan dalam Negara yang satu lagi itu suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan 5 sebahagian besarnya bagi enterprais itu sendiri atau bagi enterprais dan lain-lain enterprais yang dikawal olehnya atau yang mempunyai suatu kepentingan kawalan dalamnya.

7. Fakta bahawa sesuatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji adalah mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu (sama ada melalui sesuatu pertubuhan tetap atau selainnya) tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu pertubuhan tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Bab III

PERCUKAIAN PENDAPATAN

Perkara 6

PENDAPATAN DARI HARTA TAKALIH

1. Pendapatan dari harta takalih boleh dicukai di Negara Berjanji di mana terletaknya harta itu.

2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "harta takalih" hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Berjanji di mana terletaknya harta berkenaan itu. Perkataan itu hendaklah bagaimanapun, termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, hak bagi menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak bagi mengusahakan, deposit galian, telaga minyak atau gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan. Kapal, bot dan kapaludara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional atau lain-lain aktiviti yang bebas.

Perkara 7

PENDAPATAN ATAU KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Pendapatan atau keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja, melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, maka pendapatan atau keuntungan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak yang boleh dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu.

2. Jika suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu pendapatan atau keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dengan enterprais yang mana ianya adalah suatu penubuhan tetap.

3. Pada menentukan pendapatan atau keuntungan suatu pertubuhan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua belanja termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am yang boleh ditolak jika pertubuhan tetap itu adalah suatu enterprais bebas, setakat mana belanja-belanja itu boleh diperuntukan secara menasabah kepada pertubuhan tetap itu, sama ada dilakukan di Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Setakat mana yang telah menjadi kelaziman di Thailand untuk menentukan pendapatan atau keuntungan yang hendak dikaitkan dengan pertubuhan tetap berasaskan peratus terimaan kasar yang tertentu dan menasabah bagi enterprais itu atau berasaskan peruntukan dari jumlah pendapatan atau keuntungan enterprais itu kepada berbagai bahagiannya, tiada apajua dalam perenggan 2 boleh menghalang Thailand daripada menentukan pendapatan atau keuntungan itu dicukai dengan mana-mana jua cara itu. Cara yang diterima dan dipakai hendaklah, bagaimanapun, sedemikian rupa supaya hasilnya hendaklah mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Perkara ini.

5. Tiada apa-apa jua pendapatan atau keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu pertubuhan tetap semata-mata oleh sebab pertubuhan tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

6. Jika pendapatan atau keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara-perkara lain dalam Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-perkara lain itu tidaklah tersentuh oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan yang diperolehi oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dari pengendalian kapaludara dalam lalulintas antarabangsa boleh dikenakan cukai hanya di Negara Berjanji itu sahaja.

2. Pendapatan yang diperolehi oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dari pengendalian kapal dalam lalulintas antarabangsa boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu, tetapi cukai yang dikenakan di Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dikurangkan dengan amaun yang sama banyaknya dengan 50 peratus daripadanya.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 hendaklah begitu juga dipakai bagi penyertaan di dalam apajua jenis kumpulan oleh enterprais yang menjalankan urusan perkapalan atau pengangkutan udara.

Perkara 9

ENTERPRAIS BERSEKUTU

Jika

(a) suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau

(b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat di antara enterprais-enterprais bebas, maka apa-apa pendapatan atau keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu tidak terakru sedemikian bolehlah dimasukkan dalam keuntungan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN-DIVIDEN

1. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji kepada seorang pemastautin Negeri Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Bagaimanapun,

(a) dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Thailand kepada suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan yang mempunyai tidak kurang daripada 15 peratus daripada syer mengundi syarikat yang membayar dividen itu boleh dicukai di Thailand tetapi cukai yang dicaj sedemikian itu tidak boleh melebihi:

(i) 15 peratus daripada amaun kasar dividen itu jika syarikat yang membayar dividen itu mengambil bahagian dalam sesuatu usaha perindustrian;

(ii) 20 peratus daripada amaun kasar bagi dividen-dividen itu dalam lain-lain hal;

(b) dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin Thailand yang menjadi pemunya benefisyal dividen-dividen itu hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicajkan atau dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan atas pendapatan syarikat itu. Tiada apa-apa jua

dalam perenggan-kecil ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan dari dividen-dividen itu cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 tidak boleh dipakai jika penerima dividen-dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji, mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, suatu pertubuhan tetap yang bersangkut secara berkesan dengan pemegangan yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

4. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji memperolehi pendapatan atau keuntungan daripada Negara Berjanji yang satu lagi itu, maka Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai atas dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang-orang yang bukannya pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau mengenakan cukai keuntungan yang tidak diagih syarikat itu ke atas keuntungan yang tidak diagih, meskipun dividen yang dibayar atau keuntungan yang tidak diagih itu mengandungi kesemuanya atau sebahagiannya daripada pendapatan atau keuntungan yang terbit dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

5. Perkataan "dividen-dividen" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari syer-syer atau lain-lain hak (yang bukannya tuntutan hutang) yang menyertai dalam pendapatan atau keuntungan dan juga pendapatan dari lain-lain hak perbadanan yang diasimilasikan dengan pendapatan dari syer-syer mengikut undang-undang percukaian bagi Negara Berjanji yang baginya syarikat yang membuat pengagihan itu adalah seorang pemastautin.

6. Perkataan "usaha perindustrian" ertinya:

(a) apa-apa usaha yang mengambil bahagian dalam

(i) pengilangan, pemasangan dan pemerosesan,

(ii) pembinaan, kejuruteraan awam dan pembinaan kapal,

(iii) pengeluaran elektrik, kuasa haiderol, gas atau perbekalan air, atau

(iv) pertanian, perhutanan dan perikanan dan menjalankan kerja ladang, dan

(b) apa-apa usaha lain yang berhak mendapat keistimewaan yang diberi di bawah undang-undang Thailand atas penggalakan pelaburan perindustrian.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun,

(a) bunga yang terbit di Thailand boleh dicukai mengikut undang-undang Thailand, tetapi jika penerima itu ialah seorang pemastautin Malaysia, cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi:

(i) 10 peratus daripada amaun kasar bunga itu jika diterima oleh mana-mana institusi kewangan (termasuk suatu syarikat insuran);

(ii) dalam segala hal lain, 25 peratus daripada amaun kasar bunga itu;

(b) bunga yang terbit di Malaysia boleh dicukai mengikut undang-undang Malaysia, tetapi jika penerima ialah seorang pemastautin Thailand, cukai yang dicaj sedemikian itu tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu.

4. Bagi maksud-maksud perenggan 3, perkataan "Kerajaan"—

(a) berkenaan dengan Malaysia, ertinya Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri dan hendaklah termasuk:

(i) Bank Negara Malaysia;

(ii) pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan; dan

(iii) mana-mana institusi, yang modalnya dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana pihakberkuasa tempatan, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara Kerajaan kedua-dua Negara Berjanji;

(b) berkenaan dengan Thailand, ertinya Kerajaan Kingdom Thailand dan hendaklah termasuk:

(i) Bank Thailand;

(ii) pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan; dan

(iii) mana-mana institusi, yang modalnya dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Kingdom Thailand atau mana-mana pihakberkuasa tempatan, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara Kerajaan kedua-dua Negara Berjanji.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 tidak boleh dipakai jika penerima bunga itu ialah seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit suatu pertubuhan tetap yang bersangkut secara berkesan dengan tuntutan hutang dari mana bunga itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar bunga itu adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau pemastautin bagi Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya hutang yang dari mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima jika tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan daripada bayaran itu hendaklah terus boleh dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan yang lain Perjanjian ini.

8. Perkataan "bunga" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari segala jenis tuntutan hutang, sama ada atau tidak dicagarkan dengan gadai janji, dan sama ada atau tidak memegang hak untuk menyertai dalam keuntungan-keuntungan si berhutang itu, dan khususnya, pendapatan dari sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan dari bon-bon atau debentur-debentur, termasuk premium-premium dan hadiah-hadiah mengenai sekuriti-sekuriti, bon-bon atau debentur-debentur dan juga pendapatan yang diasimilasikan dengan pendapatan dari wang yang dipinjamkan mengikut undang-undang percukaian Negara Berjanji di mana terbitnya pendapatan itu.

Perkara 12

ROYALTI-ROYALTI

1. Royalti-royalti yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti-royalti itu boleh di cukai di Negara Berjanji di mana royalti-royalti itu terbit, dan menurut undang-undang Negara Berjanji itu, tetapi jika penerima itu seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, maka cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar royalti-royalti itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti-royalti perindustrian yang diluluskan dan diperolehi dari Malaysia oleh seseorang pemastautin Thailand hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Perkataan "royalti-royalti" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana penggunaan atau hak untuk menggunakan, apa-apa hakcipta karya sastera, pekerjaan seni atau sains, apa-apa patent, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau kerana penggunaan atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau sains, atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau sains. Perkataan itu, bagaimanapun, tidaklah termasuk apa-apa royalti atau lain-lain amaun yang dibayar berkenaan dengan filem-filem wayang gambar atau pita-pita untuk siaran radio atau talivisyen, atau pengendalian suatu lombong, telaga minyak, kuari atau mana-mana tempat lain yang mengeluarkan hasil bumi atau kayu atau lain-lain keluaran hutan.

5. Perkataan "royalti-royalti perindustrian yang diluluskan" ertinya royalti-royalti sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 4 yang diluluskan dan diperakui oleh pihakberkuasa yang layak bagi Malaysia sebagai kena dibayar bagi maksud menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh sesuatu enterprais yang kesemuanya atau terutamanya mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas yang berikut:

(a) pengilangan, pemasangan atau pemerosesan;

(b) pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau

(c) elektrik, kuasa haiderol, gas atau bekalan air.

6. Pendapatan yang diperolehi daripada pemberian milik hak atau harta yang tersebut dalam perenggan 4 boleh dicukai di Negara Berjanji di mana pendapatan itu terbit, tetapi cukai yang dikenakannya itu tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar pendapatan itu.

7. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2, 3 dan 6 tidak boleh dipakai jika penerima royalti-royalti atau pendapatan itu, yang adalah seorang pemastautin suatu Negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana royalti-royalti atau pendapatan itu terbit suatu pertubuhan tetap yang bersangkut secara berkesan dengan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti-royalti atau pendapatan itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

8. Royalti-royalti atau pendapatan yang tersebut dalam perenggan 6 hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar itu adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau seorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti atau pendapatan itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau

bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti atau pendapatan itu telah dilakukan, dan royalti-royalti atau pendapatan itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka royalti-royalti atau pendapatan itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

9. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun royalti-royalti atau pendapatan yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti-royalti atau pendapatan itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima itu jika tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan daripada bayaran itu hendaklah terus boleh dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan yang lain Perjanjian ini.

Perkara 13

LABA DARI PEMBERIAN MILIK HARTA

1. Laba daripada pemberian milik harta takalih, sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana harta itu terletak.

2. Laba daripada pemberian milik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau laba daripada pemberian milik harta alih berkenaan dengan suatu asas tetap yang disediakan kepada seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji di Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa laba daripada pemberian milik sesuatu pertubuhan tetap itu (pertubuhan itu sahaja atau bersama-sama dengan enterprais itu kesemuanya) atau daripada pemberian milik suatu asas tetap boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Bagaimanapun, laba daripada pemberian milik kapal-kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterprais bagi Negara Berjanji dalam lalulintas antarabangsa dan harta alih berhubung dengan pengendalian kapal-kapal atau kapaludara itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji di mana enterprais itu adalah seorang pemastautin.

3. Laba daripada pemberian milik apa-apa harta atau asset, lain daripada yang tersebut dalam perenggan-perenggan 1 dan 2 Perkara ini dan perenggan-perenggan 4 dan 6 Perkara 12 boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji di mana pemberi milik itu adalah seorang pemastautin. Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh melarang mana-mana satu Negara Berjanji daripada mencukaikan laba atau pendapatan dari jualan atau pemindahmilikan syer-syer atau lain-lain sekuriti.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 15, 17, 18, 19 dan 20, saraan (lain daripada pencen) yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan diri (termasuk profesional) boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu melainkan jika perkhidmatan-perkhidmatan itu dilaksanakan di Negara Berjanji yang satu lagi itu. Jika perkhidmatan-perkhidmatan dilaksanakan sedemikian itu, apa-apa saraan yang diperolehi daripadanya boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan (lain daripada pencen) yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan diri (termasuk profesional) yang dilaksanakan dalam mana-mana tahun kalendar dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu, jika:

(a) penerima berada di Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlah besarnya tidak lebih daripada 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan itu, dan

(b) perkhidmatan-perkhidmatan itu dilaksanakan untuk atau bagi pihak seseorang yang menjadi pemastautin Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu, dan

(c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh orang yang membayarkan saraan itu dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan tersebut di atas dalam Perkara ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan dalam kapal atau kapaludara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh enterprais bagi suatu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu.

Perkara 15

FEE PENGARAH-PENGARAH

Fee pengarah dan bayaran-bayaran seumpamanya yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atas sifatnya sebagai ahli Lembaga Pengarah sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

Perkara 16

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan perkara 14, pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur awam (seperti seniman-seniman pentas, wayang gambar, radio atau talivisyen dan ahli-ahli muzik) atau olahragawan-olahragawan, dari aktiviti-aktiviti mereka sendiri sebagai demikian boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

2. Jika aktiviti-aktivti sendiri yang tersebut dalam perenggan 1 diadakan dalam suatu Negara Berjanji oleh suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari mengadakan aktiviti-aktiviti itu oleh sesuatu enterprais itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 tidak boleh dipakai bagi saraan atau keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Berjanji jika lawatan ke Negara Berjanji itu adalah disokong secara langsung atau secara taklangsung, keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada kumpulanwang awam Negara Berjanji yang satu lagi itu, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 17

PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 18, apa-apa pencen atau lain-lain saraan kerana pekerjaan yang lalu atau apa-apa anuiti yang terbit di suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin bagi Negeri Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu.

2. Pencen atau lain-lain saraan kerana pekerjaan yang lalu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau seorang pemastautin bagi Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar pendapatan itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam suatu Negara Berjanji, dan pendapatan itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka pendapatan itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

3. Perkataan "anuiti" termasuklah sejumlah wang yang dinyatakan yang kena dibayar berkala-kala pada masa-masa yang dinyatakan, sepanjang hayat atau sepanjang tempoh masa yang tertentu atau yang boleh ditentukan yang berkewajipan membuat bayaran menggantikan balasan yang cukup dan sepenuh dengan wang atau yang boleh dinilaikan dengan wang.

Perkara 18

TUGAS-TUGAS KERAJAAN

1. *(a)* Saraan, lain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatannya kepada mana-mana orang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara Berjanji itu atau bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa tempatannya itu boleh dikenakan cukai hanya di Negara Berjanji itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan itu diberi dalam Negara Berjanji itu dan penerima saraan itu adalah seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu dan ia:

(i) adalah seorang rakyat Negara Berjanji itu; atau

(ii) tidak menjadi seorang pemastautin Negara Berjanji itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan-wang-kumpulanwang yang diadakan oleh, suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatannya kepada mana-mana orang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara Berjanji itu atau bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa tempatannya boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 14, 15 dan 17 hendaklah dipakai bagi saraan atau pencen-pencen berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berhubung dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatannya.

Perkara 19

PENUNTUT-PENUNTUT DAN PERANTIS

Seseorang perseorangan yang menjadi pemastautin sesuatu Negara Berjanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi itu dan yang berada secara sementara dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata:

(a) sebagai seorang penuntut di suatu universiti, kolej atau sekolah yang diiktiraf;

(b) sebagai seorang penerima suatu pemberian, elaun atau award bagi maksud utama membuat kajian atau penyelidikan daripada pertubuhan kerajaan, ugama, khairat, sains, sastera atau pelajaran; atau

(c) sebagai seorang perantis perniagaan atau teknik, hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji, yang satu lagi itu berkenaan dengan—

(i) remitan-remitan dari luar negeri bagi maksud-maksud sara hidup, pelajaran, kajian, penyelidikan atau latihannya,

(ii) pemberian, elaun atau award, dan

(iii) saraan bagi perkhidmatan-perkhidmatan diri dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak lebih daripada 3,600 ringgit Malaysia atau 28,000 baht Thai sepanjang mana-mana tahun kalendar atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa oleh pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji itu, dengan syarat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan itu ada kaitannya dengan kajian, penyelidikan atau latihannya atau adalah perlu bagi maksud sara hidupnya.

Perkara 20

PROFESSOR, GURU DAN PENYELIDIK

Seseorang perseorangan yang menjadi pemastautin sesuatu Negara Berjanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi itu, dan yang, atas jemputan Universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran seumpamanya, yang diiktiraf oleh pihakberkuasa yang layak dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, melawat Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pelajaran itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas apa-apa saraan bagi mengajar atau membuat penyelidikan itu.

Perkara 21

PENDAPATAN YANG TIDAK DISEBUTKAN DENGAN NYATA

Butiran-butiran pendapatan seseorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Perkara-perkara Perjanjian ini yang tersebut di atas boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana pendapatan itu terbit.

Bab IV

CARA-CARA MENGHAPUSKAN CUKAI DUA KALI

Perkara 22

BATASAN RELIF

Jika Perjanjian ini memperuntukkan (dengan atau tanpa syarat-syarat lain) bahawa pendapatan daripada punca-punca dalam suatu Negara Berjanji hendaklah dikecualikan daripada cukai, atau dicukai mengikut kadar yang dikurangkan dalam Negara Berjanji itu dan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu pendapatan tersebut itu adalah dikenakan cukai dengan merujukkan kepada amaun pendapatan yang diremitkan ke Negara Berjanji yang satu lagi itu atau yang diterima dalam Negara Berjanji tersebut itu dan bukan dengan merujuk kepada amaun sepenuhnya pendapatan itu, maka pengecualian atau pengurangan cukai yang akan dibenarkan di bawah Perjanjian ini dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu hendaklah dipakai bagi sekian banyak daripada pendapatan yang diremitkan ke Negara Berjanji yang satu lagi itu atau yang diterima olehnya.

Perkara 23

MENGHAPUSKAN CUKAI DUA KALI

1. Undang-undang yang berkuatkuasa di mana-mana satu Negara Berjanji hendaklah terus mengawal percukaian pendapatan dalam Negara Berjanji masing-masing kecuali jika peruntukan-peruntukan nyata yang berlawanan dibuat dalam Perjanjian ini. Jika pendapatan adalah dikenakan cukai dalam kedua-dua Negeri Berjanji, relif daripada cukai dua kali hendaklah diberi mengikut perenggan-perenggan yang berikut dalam Perkara ini.

2. Berkenaan dengan Malaysia, tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara lain daripada Malaysia, cukai Thai yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari Thailand hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Jika pendapatan itu suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Thailand kepada suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan yang mempunyai tidak kurang daripada 15 peratus daripada syer mengundi bagi syarikat yang membayar dividen itu, kredit itu hendaklah mengambilkira cukai Thai yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatannya yang darinya dividen itu dibayar. Kredit itu, walau bagaimanapun, tidak boleh lebih daripada bahagian cukai Malaysia, sebagaimana dihitung sebelum kredit itu diberi, yang sesuai dengan butiran pendapatan itu.

3. Bagi maksud-maksud perenggan 2, perkataan "cukai Thai yang kena dibayar" hendaklah disifatkan termasuk amaun cukai Thai yang sepatutnya telah dibayar jika cukai Thai itu telah tidak dikecualikan atau dikurangkan mengikut—

(a) undang-undang galakan khas yang bertujuan untuk memajukan pembangunan ekonomi di Thailand setakat mana undang-undang itu berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani; atau

(b) apa-apa peruntukan lain yang mungkin kemudiannya diperkenalkan di Thailand sebagai mengubahsuaikan, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang galakan khas yang sedia ada setakat mana peruntukan-peruntukan itu dipersetujui oleh pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji itu sebagai serupa sifat pada sebahagian besarnya.

4. Berkenaan dengan Thailand, cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari Malaysia boleh dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Thai yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Kredit itu, walau bagaimanapun, tidak boleh lebih daripada bahagian cukai Thai, sebagaimana dihitung sebelum kredit itu diberi, yang sesuai dengan butiran pendapatan itu. Jika pendapatan itu suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada suatu syarikat yang menjadi pemastautin Thailand dan yang mempunyai tidak kurang daripada 15 peratus daripada syer mengundi bagi syarikat yang membayar dividen itu, kredit itu hendaklah mengambilkira cukai Malaysia yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatannya yang darinya dividen itu dibayar.

5. Bagi maksud-maksud perenggan 4, perkataan "cukai Malaysia yang kena dibayar" hendaklah disifatkan sebagai termasuk cukai Malaysia yang sepatutnya, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, kena dibayar di atas—

(a) apa-apa pendapatan yang diperolehi dari punca-punca di Malaysia kiranya pendapatan itu tidak dikecualikan dari cukai Malaysia mengikut—

(i) seksyen-seksyen 21, 22 dan 26 Akta Galakan Pelaburan 1968 bagi Malaysia setakat mana seksyen-seksyen itu berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani; atau

(ii) apa-apa peruntukan lain yang mungkin kemudiannya diperkenalkan di Malaysia sebagai mengubahsuaikan, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang Galakan Pelaburan setakat mana peruntukan-peruntukan itu dipersetujui oleh pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji sebagai serupa sifat pada sebahagian besarnya; dan

(b) royalti-royalti perindustrian yang diluluskan yang perenggan 3 Perkara 12 dipakai kiranya royalti-royalti itu tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut perenggan itu.

Bab V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

Perkara 24

TANPA BEZA MEMBEZA

1. Rakyat suatu Negara Berjanji tidak boleh dikenakan di Negara Berjanji yang satu lagi itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas rakyat Negara Berjanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama.

2. Percukaian ke atas suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak boleh dilevi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu secara yang kurang adil dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu daripada percukaian yang dilevi ke atas enterprais-enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.

3. Enterprais-enterprais suatu Negara Berjanji, yang modalnya adalah kesemuanya atau sebahagiannya dipunyai atau dikawal, secara langsung atau secara taklangsung, oleh seorang atau beberapa orang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas lain-lain enterprais seumpamanya dalam Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu.

4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mengharuskan:

(a) sesuatu Negara Berjanji supaya memberi kepada orang-orang perseorangan yang bermastautin dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu apa-apa elaun, relief dan pengurangan persendirian bagi maksud-maksud percukaian oleh sebab taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberinya kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri;

(b) Malaysia supaya memberi kepada rakyat Thailand yang bukan bermastautin di Malaysia elaun, relif dan pengurangan persendirian itu bagi maksud-maksud percukaian yang di sisi undang-undang boleh didapati pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani hanya kepada rakyat Malaysia yang bukan bermastautin dalam Malaysia.

5. Dalam Perkara ini, perkataan "percukaian" ertinya cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini.

Perkara 25

ACARA PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seorang pemastautin suatu Negara Berjanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu daripada atau kedua-dua Negara Berjanji adalah atau akan mengakibatkan dirinya dicukai tidak mengikut Perjanjian ini, maka ia boleh, walau apa sekalipun remidi-remidi yang diperuntukkan oleh undang-undang percukaian Negara-negara Berjanji itu, mengemukakan kesnya kepada pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji yang ia adalah pemastautin.

2. Pihakberkuasa yang layak itu hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantahan itu adalah berpatutan dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, dengan tujuan untuk mengelakkan percukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini.

3. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul tentang tafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka boleh juga berunding bersama-sama untuk menghapuskan cukai dua kali dalam hal-hal yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian.

4. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud mencapai persetujuan mengikut pengertian perenggan-perenggan yang terdahulu itu.

Perkara 26

BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan Perjanjian ini atau bagi mencegah atau memisit pelarian atau pengelakan cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang dipertukar-tukarkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang atau pihakberkuasa lain daripada mereka (termasuk suatu Mahkamah atau pihakberkuasa ulangkaji) yang terlibat dalam pentaksiran, pemungutan atau penguatkuasaan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian atau dalam penentuan rayuan-rayuan yang berhubungan dengannya.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas satu daripada Negara-negara Berjanji itu tanggungan:

(a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang berlainan daripada undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Berjanji itu atau Negara Berjanji yang satu lagi itu;

(b) untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Berjanji itu atau Negara Berjanji yang satu lagi itu;

(c) untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesion, proses tred, atau maklumat yang penzahirannya adalah bertentangan dengan dasar awam (perintah awam).

Perkara 27

PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMAT DAN KONSOL

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan-keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomat atau konsol di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Bab VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TERAKHIR

Perkara 28

MULA BERKUATKUASA

1. Perjanjian ini hendaklah disahkan dan suratcara-suratcara pengesahan itu hendaklah dipertukar-tukarkan di Bangkok dengan seberapa segera yang boleh.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa apabila sahaja suratcara-suratcara pengesahan itu dipertukar-tukarkan dan hendaklah mempunyai kuatkuasa berkenaan dengan pendapatan bagi tahun-tahun kalendar atau tempoh-tempoh perakaunan yang bermula pada atau selepas satu haribulan Januari bagi tahun kalendar dalam mana suratcara-suratcara pengesahan itu di-pertukar-tukarkan.

Perkara 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak ditentukan, tetapi salah satu Negara Berjanji boleh menamat-kan Perjanjian, melalui saluran-saluran diplomatik, dengan mem-beri kepada Negara Berjanji yang satu lagi itu, notis penamatan secara bertulis pada atau sebelum 30 haribulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar mulai daripada tahun kelima daripada tahun dalam mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam hal yang demikian, Perjanjian adalah terhenti daripada berkuatkuasa ber-kenaan dengan pendapatan bagi tahun-tahun kalendar atau tempoh-tempoh perakaunan yang bermula pada atau selepas satu haribulan Januari bagi tahun kalendar berikutan tahun dalam mana notis itu diberi.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 29 hari-bulan Mac satu ribu sembilan ratus lapan puluh dua tiap-tiap satunya dalam Bahasa Thai, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahehnya.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia	Bagi pihak Kerajaan Kingdom Thailand

PROTOKOL

Pada masa Perjanjian ini ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Kingdom Thailand bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-cukai atas Pendapatan, maka yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan berikut hendaklah menjadi bahagian yang integral bagi Perjanjian ini.

Jika, bagi maksud-maksud Perkara VII Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura bagi mengelakkan Cukai Dua Kali dan mencegah pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-cukai atas Pendapatan yang ditandatangani di Singapura pada 26hb Disember 1968—

(a) sesuatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat—

(i) yang telah bermastautin di Malaysia dan Singapura dan mesyuarat dalam mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Malaysia; atau

(ii) yang telah bermastautin di Singapura dan pada masa dividen itu dibayar syarikat itu mengisytiharkan bahawa ia adalah pemastautin Malaysia,

dividen itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia;

(b) sesuatu dividen telah dibayar oleh suatu syarikat—

(i) yang telah bermastautin di Malaysia dan Singapura dan mesyuarat dalam mana dividen itu diisytiharkan telah diadakan di Singapura; atau

(ii) yang telah bermastautin di Malaysia dan pada masa dividen itu dibayar syarikat itu mengisytiharkan bahawa ia adalah pemastautin Singapura,

dividen itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar oleh suatu syarikat yang bukan bermastautin di Malaysia.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, telah menandatangani Protokol ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 29 haribulan Mac satu ribu sembilan ratus lapan puluh dua tiap-tiap satunya dalam Bahasa Thai, Bahasa Malaysia dan Bahasa lnggeris dan ketiga-tiga naskah itu adalah sama sahehnya.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia	Bagi pihak Kerajaan Kingdom Thailand

Diperbuat pada 21hb Mei 1982.
[Perb. O. 6869 / 10 Vol. 2; PN. (PU2) 80 Pt. VII.]

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen (6) *seksyen 132 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen (4) seksyen 65A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.)*

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THAILAND) ORDER 1983

IN exercise of the powers conferred by subsection (1) of section 132 of the Income Tax Act 1967 and subsection (1) of section 65A of the Petroleum (Income Tax) Act 1967, the Minister makes the following Order: *Act 53. 45/67.*

1. This Order may be cited as the **Double Taxation Relief (Thailand) Order 1983.** Citation

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made with the Government of the Kingdom of Thailand with a view of affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Thai tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that the arrangements shall have effect. Double Taxation Relief.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF THAILAND FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME

The Government of Malaysia and the Government of the Kingdom of Thailand desiring to conclude an Agreement for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, have agreed as follows:

Chapter I

SCOPE OF THE AGREEMENT

Article 1

PERSONAL SCOPE

This Agreement shall apply to persons who are residents of one or both of the Contracting States.

Article 2

TAXES COVERED

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed by each Contracting State, irrespective of the manner in which they are levied.

2. The existing taxes to which the Agreement shall apply are:

(a) in the case of Malaysia:

(i) the income tax and excess profit tax;

(ii) the supplementary income taxes, that is, tin profits tax, development tax and timber profits tax; and

(iii) the petroleum income tax;

(hereinafter referred to as "Malaysian tax");

(b) in the case of Thailand:

(i) the income tax;

(ii) the petroleum income tax;

(hereinafter referred to as "Thai tax").

3. The Agreement shall also apply to any identical or substantially similar taxes on income which are imposed after the date of signature of this Agreement in addition to, or in place of, the existing taxes. The competent authorities of the Contracting States shall notify each other of important changes which have been made in their respective taxation laws.

Chapter II

DEFINITIONS

Article 3

GENERAL DEFINITIONS

1. In this Agreement, unless the context otherwise requires:

(a) the term "Malaysia" means the Federation of Malaysia, and includes any area adjacent to the territorial waters of Malaysia which in accordance with international law, has been or may hereafter be designated, under the laws of Malaysia concerning the Continental Shelf, as an area within which the rights of Malaysia with respect to the sea bed and sub-soil and their natural resources may be exercised;

(b) the term "Thailand" means the Kingdom of Thailand and includes any area adjacent to the territorial waters of the Kingdom of Thailand which by Thai legislation, and in accordance with international law, has been or may hereafter be designated as an area within which the rights of the Kingdom of Thailand with respect to the sea bed and sub-soil and their natural resources may be exercised;

(c) the terms "a Contracting State" and "the other Contracting State" mean Malaysia or Thailand, as the context requires;

(d) the term "person" includes an individual, a company and any other body of persons which is treated as an entity for tax purposes;

(e) the term "company" means any body corporate or any entity which is treated as a body corporate under the taxation laws of the respective Contracting States;

(f) the terms "enterprise of a Contracting State" and "enterprise of the other Contracting State" mean respectively an enterprise carried on by a resident of a Contracting State and an enterprise carried on by a resident of the other Contracting State;

(g) the term "tax" means Malaysian tax or Thai tax, as the context requires;

(h) the term "national" means:

(i) any individual possessing the citizenship of a Contracting State;

(ii) any legal person, partnership, association and any other entity deriving its status as such from the laws in force in a Contracting State;

(i) the term "international traffic" means any transport by a ship or aircraft operated by an enterprise of a Contracting State, except where the ship or aircraft is operated solely between places in the other Contracting State;

(j) the term "competent authority" means:

(i) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative;

(ii) in the case of Thailand, the Minister of Finance or his authorised representative.

2. In the application of the Agreement by a Contracting State, any term not otherwise defined shall, unless the context otherwise requires, have the meaning which it has under the laws of that Contracting State relating to the taxes which are the subject of the Agreement.

Article 4

RESIDENT

1. For the purposes of this Agreement, the term "resident of a Contracting State" means—

(a) in the case of Thailand, a person who is resident in Thailand for the purposes of Thai tax; and

(b) in the case of Malaysia, a person who is resident in Malaysia for the purposes of Malaysian tax.

2. Where by reason of the provisions of paragraph 1 an individual is a resident of both Contracting States, then his status shall be determined in accordance with the following rules:

(a) he shall be deemed to be a resident of the Contracting State in which he has a permanent home available to him. If he has a permanent home available to him in both Contracting States, he shall be deemed to be a resident of the Contracting State with which his personal and economic relations are closer (centre of vital interests);

(b) if the Contracting State in which he has his centre of vital interests cannot be determined, or if he has not a permanent home available to him in either Contracting State, he shall be deemed to be a resident of the Contracting State in which he has an habitual abode;

(c) if he has an habitual abode in both Contracting States or in neither of them, he shall be deemed to be a resident of the Contracting State of which he is a national;

(d) if he is a national of both Contracting States or of neither of them, the competent authorities of the Contracting States shall settle the question by mutual agreement.

3. Where by reason of the provisions of paragraph 1, a person other than an individual is a resident of both Contracting States, then the competent authorities of the Contracting States shall settle the question by mutual agreement.

Article 5

PERMANENT ESTABLISHMENT

1. For the purposes of this Agreement, the term "permanent establishment" means a fixed place of business in which the business of the enterprise is wholly or partly carried on.

2. The term "permanent establishment" shall include especially:

(a) a place of management;
(b) a branch;
(c) an office;
(d) a factory;
(e) a workshop;
(f) a mine, quarry, oil or gas well or other place of extraction of natural resources including timber or other forest produce;
(g) a farm or plantation;
(h) a building site or construction, installation or assembly project which exists for more than six months.

3. The term "permanent establishment" shall not be deemed to include:

(a) the use of facilities solely for the purpose of storage, display or delivery of goods or merchandise belonging to the enterprise;
(b) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of storage, display or delivery.
(c) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of processing by another enterprise;
(d) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of purchasing goods or merchandise, or for collecting information, for the enterprise;
(e) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of advertising, for the supply of information, for scientific research, or for similar activities which have a preparatory or auxiliary character, for the enterprise.

4. An enterprise of a Contracting State shall be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State if it carries on supervisory activities in that other Contracting State for more than six months in connection with a construction, installation or assembly project which is being undertaken in that other Contracting State.

5. A person (other than a broker, general commission agent or any other agent of an independent status to whom paragraph 6 applies) acting in a Contracting State on behalf of an enterprise of

the other Contracting State shall be deemed to be a permanent establishment in the first-mentioned Contracting State, if:

(a) he has, and habitually exercises in the first-mentioned Contracting State, an authority to conclude contracts in the name of the enterprise, unless his activities are limited to the purchase of goods or merchandise for the enterprise;

(b) he maintains in the first-mentioned Contracting State a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise from which he regularly fills orders on behalf of the enterprise; or

(c) he secures orders in the first-mentioned State substantially for the enterprise itself or for the enterprise and other enterprises which are controlled by it or have a controlling interest in it.

6. An enterprise of a Contracting State shall not be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State merely because it carries on business in that other Contracting State through a broker, general commission agent or any other agent of an independent status, where such persons are acting in the ordinary course of their business. For this purpose, an agent shall not be considered to be an agent of an independent status if it carries on in that other State an activity described in paragraph 5 substantially for the enterprise itself or for the enterprise and other enterprises which are controlled by it or have a controlling interest in it.

7. The fact that a company which is a resident of a Contracting State controls or is controlled by a company which is a resident of the other Contracting State, or which carries on business in that other Contracting State (whether through a permanent establishment or otherwise), shall not of itself constitute either company a permanent establishment of the other.

Chapter III

TAXATION OF INCOME

Article 6

INCOME FROM IMMOVABLE PROPERTY

1. Income from immovable property may be taxed in the Contracting State in which such property is situated.

2. For the purposes of this Agreement, the term "immovable property" shall be defined in accordance with the laws of the Contracting State in which the property in question is situated. The term shall in any case include property accessory to immovable property, livestock and equipment used in agriculture and forestry, rights to which the provisions of general law respecting landed property apply, usufruct of immovable property and rights to variable or fixed payments as consideration for the working of, or the right to work, mineral deposits, oil or gas wells, quarries and other places of extraction of natural resources including timber or other forest produce. Ships, boats and aircraft shall not be regarded as immovable property.

3. The provisions of paragraph 1 shall apply to income derived from the direct use, letting, or use in any other form of immovable property.

4. The provisions of paragraphs 1 and 3 shall also apply to the income from immovable property of an enterprise and to income from immovable property used for the performance of professional services or other independent activities.

Article 7

BUSINESS INCOME OR PROFITS

1. The income or profits of an enterprise of a Contracting State shall be taxable only in that Contracting State unless the enterprise carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein. If the enterprise carries on business as aforesaid, the income or profits of the enterprise may be taxed in the other Contracting State but only on so much thereof as is attributable to that permanent establishment.

2. Where an enterprise of a Contracting State carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein, there shall in each Contracting State be attributed to that permanent establishment the income or profits which it might be expected to make if it were a distinct and separate enterprise engaged in the same or similar activities under the same or similar conditions and dealing wholly independently with the enterprise of which it is a permanent establishment.

3. In determining the income or profits of a permanent establishment, there shall be allowed as deductions all expenses including executive and general administrative expenses, which would be deductible if the permanent establishment were an independent enterprise, insofar as they are reasonably allocable to the permanent establishment, whether incurred in the Contracting State in which the permanent establishment is situated or elsewhere.

4. In so far as it has been customary in Thailand to determine the income or profits to be attributed to a permanent establishment on the basis of a certain reasonable percentage of the gross receipts of the enterprise or on the basis of an apportionment of the total income or profits of the enterprise to its various parts, nothing in paragraph 2 shall preclude Thailand from determining the income or profits to be taxed by any such method. The method adopted shall, however, be such that the result shall be in accordance with the principles laid down in this Article.

5. No income or profits shall be attributed to a permanent establishment by reason of the mere purchase by that permanent establishment of goods or merchandise for the enterprise.

6. Where income or profits include items of income which are dealt with separately in other Articles of this Agreement, then the provisions of those Articles shall not be affected by the provisions of this Article.

Article 8

SHIPPING AND AIR TRANSPORT

1. Income derived by an enterprise of a Contracting State from the operation of aircraft in international traffic shall be taxable only in that Contracting State.

2. Income derived by an enterprise of a Contracting State from the operation of ships in international traffic may be taxed in the other Contracting State, but the tax imposed in that other Contracting State shall be reduced by an amount equal to 50 per cent thereof.

3. The provisions of paragraphs 1 and 2 shall likewise apply in respect of participations in pools of any kind by enterprises engaged in shipping or air transport.

Article 9

ASSOCIATED ENTERPRISES

Where—

(a) an enterprise of a Contracting State participates directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of the other Contracting State, or

(b) the same persons participate directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of a Contracting State and an enterprise of the other Contracting State,

and in either case conditions are made or imposed between the two enterprises in their commercial or financial relations which differ from those which would be made between independent enterprises, then any income or profits which would, but for those conditions, have accrued to one of the enterprises, but, by reason of those conditions, have not so accrued, may be included in the profits of that enterprise and taxed accordingly.

Article 10

DIVIDENDS

